

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : Puan Rubiah binti Haji Wang
[Kota Samarahan]**

TARIKH : 17 Mac 2014 (Isnin)

SOALAN : 61

Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan apakah inisiatif Kementerian dalam memberi kemudahan yang lebih baik kepada pengguna pengangkutan air di Sarawak.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Secara amnya kemudahan infrastruktur pengangkutan air di sungai-sungai Sarawak disediakan dan dikawal selia oleh Kerajaan Negeri Sarawak melalui Lembaga Sungai-Sungai Sarawak.

Walau bagaimanapun, Kementerian Pengangkutan melalui Jabatan Laut Malaysia sentiasa bekerjasama dengan Lembaga Sungai-Sungai Sarawak dalam memastikan pengusaha feri dan bot penumpang yang menjalankan perkhidmatan di sungai-sungai Sarawak mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.

Dalam hubungan ini, Jabatan Laut Malaysia mengambil beberapa inisiatif dalam memastikan keselamatan pengangkutan air seperti:

- i. menganjurkan kempen keselamatan untuk mendidik dan menyedarkan pengguna dan operator feri tentang kepentingan keselamatan feri serta aspek-aspek yang bersangkutan dengannya;
- ii. memastikan feri dan bot penumpang membawa bilangan penumpang bertepatan dengan Sijil Penumpang yang dikeluarkan oleh JLM kepada feri atau bot penumpang berkenaan;

- iii. melaksanakan pemeriksaan bagi memastikan feri dan bot penumpang dilengkapi peralatan keselamatan yang telah ditetapkan seperti jaket keselamatan dan alat pemadam api;
- iv. memeriksa dokumen-dokumen keselamatan sebelum feri dan bot penumpang dibenarkan belayar; dan
- v. melaksanakan pemeriksaan berkala (tahunan) ke atas feri dan bot penumpang yang beroperasi bagi memastikannya adalah layak layar (*seaworthy*).